

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 2 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 7

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai niat untuk mengintegrasikan perkhidmatan yang disediakan oleh Puspakom ke bahagian Jabatan Pengangkutan Jalan (seperti sebelumnya) atau membiarkan syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan yang sama supaya Puspakom tidak akan memonopoli seluruh peniaga.

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, pemeriksaan berkala kenderaan untuk kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam dan pemeriksaan kenderaan persendirian sebelum tukarmilik adalah perkhidmatan yang dimonopoli oleh Puspakom Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Kerajaan terdahulu telah menandatangani dua (2) perjanjian konsesi untuk tempoh 15 tahun setiap satu (1) dengan pihak PUSPAKOM Sdn Bhd (Puspakom) seperti berikut:-

- (i) Perjanjian pertama – 1/9/1994 sehingga 31/8/2009;
- (ii) Perjanjian kedua – 1/9/2009 sehingga 31/8/2024.

Melalui perjanjian konsesi, Puspakom telah dilantik untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan merangkumi kategori pemeriksaan seperti berikut:

- (i) **Pemeriksaan Awalan** – Pemeriksaan ke atas kenderaan yang belum berdaftar bagi memastikan mematuhi aspek perundangan dari segi pembinaan dan penggunaan sebelum didaftarkan. Bayaran fi diantara RM40 - RM90 (Fi bergantung kepada jenis badan);
- (ii) **Pemeriksaan Berkala** – Dilaksanakan setiap enam bulan ke atas kesemua kenderaan perdagangan bagi memastikan ia layak untuk berada di atas jalan raya. Bagi kenderaan teksi dan *ehailing*, sekali setahun bagi kenderaan yang berumur

lebih tiga tahun. Bayaran fi diantara RM35 - RM75 (Fi bergantung kepada jenis badan);

- (iii) **Pemeriksaan Khas** – Pemeriksaan bagi tujuan pengubahsuaian kenderaan seperti tukar enjin, tukar badan dsb. Bayaran fi diantara RM25 - RM50 (Fi bergantung kepada jenis badan);
- (iv) **Pemeriksaan Tukar Hak Milik** – Pemeriksaan ke atas kenderaan bagi tujuan penukaran hak milik kecuali motosikal. Fi adalah sebanyak RM30;
- (v) **Pemeriksaan Semula** – Pemeriksaan ke atas kenderaan yang gagal dalam pemeriksaan sebelumnya. Bayaran fi diantara RM20-RM50 (Fi bergantung kepada jenis badan); dan
- (vi) **Pemeriksaan Kenderaan Kemalangan** – Pemeriksaan ke atas kenderaan yang mengalami kemalangan di atas permintaan pihak berkuasa. Permeriksaan adalah percuma.
- (vii) **Pemeriksaan Pelan** – Semakan Pelan Kenderaan berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan. Bayaran fi diantara RM40 – RM160 (Fi bergantung kepada jenis badan).

Untuk makluman, keperluan pemeriksaan kenderaan adalah merupakan satu (1) perkara yang ditetapkan di bawah undang-undang. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Bahagian 11A) telah menetapkan bahawa

tiada kenderaan boleh digunakan atau dibenar digunakan melainkan kenderaan berkenaan telah mempunyai surat perakuan pemeriksaan (peraturan diadakan bagi tujuan keselamatan dan melindungi alam sekitar). Menteri pula boleh membuat kaedah-kaedah berkaitan kelas kenderaan, jenis pemeriksaan, kekerapan pemeriksaan dan kadar fi pemeriksaan.

Struktur fi bagi jenis-jenis pemeriksaan kenderaan Puspakom telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi dan dikawal oleh Kerajaan. Walaupun perjanjian membenarkan semakan kadar fi untuk setiap tiga (3) tahun sekali tetapi semenjak mula kontrak sehingga kini hanya sekali sahaja permohonan kenaikan Fi Pemeriksaan Kenderaan diluluskan oleh pihak Kerajaan iaitu pada tahun 2007.

BAYARAN KONSESI KEPADA KERAJAAN

PUSPAKOM perlu membayar kepada Kerajaan konsesi berdasarkan kadar (%) daripada jumlah fi pemeriksaan yang dikenakan kepada pelanggan seperti di bawah:-

TEMPOH	KADAR (%)
1/9/2009 – 31/8/2014	12.5%
1/9/2014 – 31/8/2019	12.75%
1/9/2019 – 31/8/2024	13%

Setakat semasa, jumlah konsesi yang telah dibayar kepada Kerajaan adalah mencecah **RM270** Juta seperti berikut:-

TEMPOH	BAYARAN KONSESI (RM)
1/9/1994 – 31/8/2009	119,726,771.63
1/9/2009 – 31/5/2018	147,771,141.74
JUMLAH	267,497,913.37

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan Kerajaan bagi mengkaji perkhidmatan-perkhidmatan yang bersifat monopoli termasuk PUSPAKOM. Kerajaan melalui jawatankuasa ini sedang mengkaji terma-terma kontrak perjanjian konsesi dengan PUSPAKOM.

Kementerian bersetuju bahawa bagi menambahbaik tahap kualiti dan kesediaan perkhidmatan yang disediakan, salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan. Tetapi jika perkara ini dilaksanakan, semua pihak penyedia perkhidmatan yang baharu perlu mematuhi tahap peraturan dan standard yang tinggi yang telah dikenakan ke atas PUSPAKOM selain daripada mengambil kira faktor-faktor berkaitan pasaran yang kecil, kadar fi yang dikawal serta tahap pelaburan yang tinggi yang telah terangkan sebentar tadi. Dalam kajian ini, selain daripada melihat kepada kebolehlaksanaan untuk membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk menyediakan perkhidmatan, Kementerian juga meneliti lain-lain aspek seperti implikasi perundangan serta implikasi kewangan kepada Kerajaan jika perkara ini dilaksanakan. Proses kajian ini sedang berjalan dan hasil awal dijangka akan diperolehi sebelum akhir tahun ini. Kerajaan hanya akan membuat keputusan selepas kajian terperinci ini dimuktamadkan.